

Motivasi Di Tempat Kerja

Pendahuluan

Motivasi merupakan kuasa pemacu paling utama di dalam setiap tindakan manusia. Melaluinya manusia dapat menjana tenaga luarbiasa dalam diri mereka untuk mendaki gunung paling tinggi, mencapai bulan, membina bandaraya, memenangi peperangan yang menakutkan dan mencapai apa sahaja sasaran dalam hidup walaupun terdapat banyak rintangan dan cabaran. Kita mengaguni kuasa motivasi manusia dan keinginan yang tinggi apabila kita membaca sejarah George Washington dan orang – orangnya yang berjuang dalam kesejukan yang melampau semasa Peperangan Revolusi, perjuangan sehingga saat akhir pemenang larian dalam Olimpik, melihat semangat seorang jururawat merawat yang hampir mati, mendengar jeritan patriot mengangkat senjata menentang penceroboh di tanah mereka dan sejarah heroism lelaki dan wanita masih dikenang dan dihayati sehingga kini. Semua ini dapat dicapai kerana mempunyai motivasi yang tinggi dan tanpa ia, manusia ibarat hampir tidak bernyawa dan menjalani hidup tanpa makna dari hari ke hari dan hanya menunggu suatu perubahan kritikal.

Rahsia di sebalik keajaiban hidup manusia yang bermakna terletak di dalam impian peribadi, motivasi dan usaha yang gigih untuk mencapainya. Perbezaan di dalam kehidupan seorang yang berjaya dan orang yang tidak bercita – cita ialah kadang - kala terletak pada mental dan fizikal semula jadi yang berasal dari kuasa dalaman yang tinggi iaitu motivasi atau kekurangannya. Bagi pemimpin, trait dalaman motivasi dan kegigihan merupakan suatu elemen pusat bagi abad lama "*trait theory of leadership*"

Motivasi dalaman atau yang kurang mempunyainya merupakan suatu perbezaan antara seorang tentera yang berani untuk berhenti dan berhadapan dengan musuh daripada tidak dan melarikan diri ataupun para saintis dan ahli profesional yang berusaha untuk mencapai impian kerjaya mereka atau tidak. Begitu juga dengan para atlit yang ingin menang ataupun tidak, orang dewasa yang mengambil dadah dan memusnahkan diri mereka sendiri atau tidak. Orang berkesihatan baik yang berusaha keras untuk kejayaan diri dan tidak mengharapkan kebajikan ataupun tukang ukir dan pekerja industri yang menghasilkan produk berkualiti tinggi atau tidak. Manusia yang membina suatu kehidupan yang signifikan untuk diri sendiri dan keluarga. Di

tempat kerja, orang yang bermotivasi akan sentiasa bersungguh – sungguh dalam usaha dan memberikan hasil kerja yang baik berbanding orang yang tidak bermotivasi yang berada dalam kegagalan dan penghinaan. Secara mudahnya, kunci untuk kejayaan produktiviti ialah motivasi manusia.

Walaupun terdapat kontroversi akademik di antara ahli psikologi tentang definisi teknikal motivasi sama ada ia merupakan suatu dalaman atau tidak, definisi pratikal yang ingin disampaikan ialah mudah iaitu: untuk memotivasikan orang lain ialah dengan membuatkan dia melakukan apa yang anda ingin dia lakukan, mendapatkan kerjasamanya. Untuk memotivasikan diri sendiri ialah dengan mendapatkan apa yang anda ingin dapatkan seperti menurunkan berat badan. Dalam konteks ini, kita ingin memotivasikan orang lain atau diri sendiri di tempat kerja sebagai perkara utama.